

POKOK KARAS


Pokok Karas merupakan spesies daripada famili Thymelaeaceae. Di Semenanjung Malaysia terdapat lima (5) spesies yang telah dikenalpasti iaitu *Aquilaria malaccensis*, *Aquilaria microcarpa*, *Aquilaria hirta*, *Aquilaria beccariana* dan *Aquilaria rostrata*. Pokok Karas boleh menghasilkan gaharu yang terbentuk secara semula jadi akibat daripada tindakbalas pokok terhadap fungus, kecederaan dan serangan serangga perosak. Pokok ini akan mengeluarkan sejenis minyak yang berbau bagi melindungi bahagian yang cedera sama ada batang, dahan dan akar. Minyak tersebut menjadi keras dan dikenali sebagai damar. Gaharu dikategori dalam pelbagai gred. Di peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, gred gaharu adalah berdasarkan ciri-ciri seperti warna, saiz/bentuk, bau dan tebal. Gred ini digunakan untuk tujuan kutipan cukai sebelum hasil tersebut dikeluarkan untuk dijual.



Gambar 1: Buah Karas



Gambar 2: Daun pokok Karas



Gambar 3: Biji benih pokok Karas

Jadual 1: Gred Gaharu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

GRED	CIRI-CIRI				
	KEGUNAAN	WARNA	BENTUK/SAIZ	BAU	KETEBALAN
Gred A Super	Hiasan/Arca	<ul style="list-style-type: none"> • Hitam berkilat • Kandungan damar yang tinggi (90%) 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai estetik • Berat (>3kg) • Bongkah 	Sangat kuat	Sangat tebal
Gred A	Wangian (bakar) Aromaterapi	<ul style="list-style-type: none"> • Hitam • Kandungan damar tinggi (80%-90%) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sederhana berat (<3kg) • Pelbagai saiz 	Kuat	Tebal
Gred B	Wangian (bakar) Aromaterapi	<ul style="list-style-type: none"> • Coklat • Kandungan damar (20%-80%) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai saiz 	Sederhana	Sederhana
Gred C	Minyak(ekstrak) Hiasan	<ul style="list-style-type: none"> • Putih kekuningan • Kandungan damar (<20%) 	<ul style="list-style-type: none"> • Racik • Bongkah 	Kurang	Kurang